



Selamat ulang tahun kelahiran
Toh Puan Datuk Wira Asmah Abdul Rahman



Hajat tak kesampaian **40**

ملك هاري اين

Melaka HARI INI

Sejak 1982

Barisan mantap

- Lapan muka baharu dilantik Exco
- Gabungan UMNO, MCA, MIC cerminkan kepelbagaian - Sulaiman
- Pelantikan Speaker DUN Melaka diumumkan kemudian **2,3,6&8**



10 Exco baharu Melaka angkat sumpah



MOHD Ali bersama isteri Toh Puan Datuk Wira Asmah Abdul Rahman hadir ke Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Angkat Sumpah Jawatan, Taat Setia serta Sumpah Simpan Rahsia di Balai Istiadat Seri Negeri.

Faiz Hasan & Liana Sahabudin

SERI NEGERI - Seramai 10 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Melaka yang baharu selesai mengangkat sumpah jawatan bertempat di Balai Istiadat, di sini, pada 26 Nov lalu.

Senarai Exco itu dipilih berdasarkan gabungan muka lama dan baharu dengan mengekalkan dua bekas Exco, selain melantik lapan muka baharu bagi melancarkan urusan pentadbiran negeri sepanjang penggal ke-15 ini.

Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Angkat Sumpah Jawatan, Taat Setia serta Sumpah Simpan Rahsia itu diadakan di hadapan Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam.

Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali yang mengangkat sumpah Ketua Menteri Melaka ke-13 pada 20 Nov lalu dipilih memegang portfolio Perancangan Ekonomi, Kewangan, Pembangunan Tanah, Agensi Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Hal Ehwal Agama.

Lafaz angkat sumpah jawatan Exco dalam istiadat itu didahului oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bidara Datuk Seri Ab Rauf Yusoh.

Ab Rauf yang juga Pengerusi Perhubungan UMNO Melaka dilantik sebagai Exco Perindustrian, Pelaburan dan Pembangunan Usahawan.

Ia disusuli ADUN Rembia Datuk Muhammad Jailani Khamis yang mengekalkan jawatan sebagai

Exco Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan, manakala Datuk Rahmad Mariman (Ayer Molek) bertukar portfolio kepada Exco Kerja Raya, Pengangkutan, Kemudahan Awam, Infrastruktur dan Pengurusan Banjir.

Seterusnya ADUN Serkam Datuk Zaidi Attan mengangkat sumpah sebagai Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar; diikuti Datuk Abdul Razak Abdul Rahman (Telok Mas) sebagai Exco Pembangunan Luar Bandar, Pertanian, Industri Asas Tani.

VP Shanmugam (Gadek) pula mengangkat sumpah sebagai Exco Pembangunan Belia, Sukan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO); disusuli ADUN Pengkalan Batu Datuk Kalsom Noordin (Exco Hal Ehwal

Pelantikan Speaker DUN baharu belum diputuskan

AYER KEROH - Kerajaan negeri masih belum memutuskan pelantikan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka yang baharu buat masa ini.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, perkara itu akan mengambil sedikit masa untuk diperhalusi sebelum DUN bersidang.

"Pelantikan Speaker belum lagi sebab dewan lambat lagi bersidang.

"Kita ada lagi masa untuk perhalusi sebelum kita ketengahkan nanti," katanya pada sidang media 26 Nov lalu.

Sebelum ini, penyandang bagi jawatan Speaker DUN adalah Datuk Seri Ab Rauf Yusoh yang kini dilantik sebagai Exco Perindustrian, Pelaburan dan Pembangunan Usahawan.

Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan).

Turut mengangkat sumpah, ADUN Merlimau Dr Muhamad Akmal Saleh (Exco Kesihatan dan Antidadah); ADUN Paya Rumput Datuk Rais Yasin (Exco Pendidikan dan Teknologi) dan diakhiri Ngwe Hee Sem (Machap Jaya) sebagai Exco Perpaduan, Hubungan Masyarakat, Tenaga Kerja dan Hal Ehwal Pengguna.

Sulaiman dalam sidang media pengumuman senarai Exco, menyifatkan pemilihan setiap wakil dari UMNO, MCA dan MIC itu melam-

bankan perpaduan dan kerjasama semua kaum di Melaka.

"Gabungan lama, berpengalaman dan baru daripada pelbagai latar belakang dan profesion inilah barisan terbaik untuk memajukan dan memakmurkan rakyat dalam tempoh lima tahun akan datang.

"Sudah tentu mereka (Exco) mampu menggalas tanggungjawab dan menggerakkan usaha merealisasikan aku janji dan Manifesto Barisan Nasional (BN) 'Kestabilan Demi Kemakmuran' yang diumumkan pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka yang lalu," katanya.

Melaka amal politik matang - Sulaiman

SERI NEGERI - Meraikan politik matang menjadi antara agenda yang akan diberi penekanan oleh Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali sepanjang menadbir negeri ini.

Sulaiman berkata, agenda itu amat penting dalam membentuk

kestabilan politik di antara semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang dipilih rakyat.

Katanya, terdapat dua inisiatif akan dilaksanakan, antaranya menyediakan peruntukan kepada semua ADUN termasuk bukan kerajaan.

"Pendekatan ini adalah berlandaskan konsep 'Keluarga Malaysia' agar dapat menerima persamaan dan perbezaan supaya ADUN-ADUN yang telah dipilih oleh rakyat dapat melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

"Selain itu, kerajaan negeri juga akan meminda perlembagaan negeri untuk melantik lima orang ADUN tambahan termasuk wakil belia dan NGO," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Angkat Sumpah Jawatan, Taat Setia serta Sumpah Simpan Rahsia Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di Balai Istiadat Seri Negeri, 26 Nov lalu.

Dalam memperkasa kestabilan politik di negeri ini, beliau turut mengumumkan enam pelan tindakan yang akan dilaksanakan.

Antaranya, memperkenalkan penggunaan Enakmen Anti Lompat Parti serta mengusulkan kerjasama antara ADUN untuk memastikan jangka hayat DUN Melaka kekal untuk tempoh sekurang-kurangnya empat tahun dari

hari pertama bersidang.

Selain itu, beliau juga akan mewujudkan tadbir urus korporat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebagai panduan undang-undang dan peraturan kerajaan negeri, selain memperkenalkan undi percaya konstruktif untuk memastikan sebuah kerajaan yang tidak menjadi percaturan pihak tertentu.

"Kita juga akan memperkenalkan agenda transformasi dan pengukuhan DUN untuk membolehkan semua ADUN memainkan peranan lebih efektif dalam pengubahan undang-undang dan pembuatan dasar, selain mengusulkan

peruntukan dan kebajikan kepada semua ADUN yang akan diputuskan dalam masa yang terdekat," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut menyeru semua ADUN baik dari blok kerajaan mahupun bukan kerajaan untuk berganding bahu dalam membangunkan negeri Melaka.

Beliau berkata, kerjasama antara kedua-dua pihak sangat penting dalam membentuk kerajaan negeri yang kukuh dan stabil.

"Diharap semua yang dilakukannya ini dapat membawarakyat dan negeri ini ke aras lebih tinggi, maju dan sejahtera," katanya.



SULAIMAN ketika berucap pada majlis Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Angkat Sumpah Jawatan, Taat Setia serta Sumpah Simpan Rahsia Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

WAKTU SOLAT						
Ditulis oleh: Bahagian Hal Ehwal Masyarakat Islam, SAW berdasarkan: Serangan, solat, saje yang lebih akurat berbanding lebih dahulu daripada solat yang diteliti dengan dua puluh lima bahagian.						
29 November - 5 Disember 2021 (24-30 Rabiulakhir 1443H)						
	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
29 NOVEMBER 2021	5.47 am	7.00 am	1.02 pm	4.25 pm	7.01 pm	8.15 pm
30 NOVEMBER 2021	5.47 am	7.00 am	1.02 pm	4.25 pm	7.01 pm	8.15 pm
01 DISEMBER 2021	5.48 am	7.01 am	1.03 pm	4.26 pm	7.02 pm	8.15 pm
02 DISEMBER 2021	5.48 am	7.01 am	1.03 pm	4.26 pm	7.02 pm	8.16 pm
03 DISEMBER 2021	5.48 am	7.02 am	1.03 pm	4.27 pm	7.02 pm	8.16 pm
04 DISEMBER 2021	5.49 am	7.02 am	1.04 pm	4.27 pm	7.03 pm	8.17 pm
05 DISEMBER 2021	5.49 am	7.02 am	1.04 pm	4.27 pm	7.03 pm	8.17 pm



AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI MELAKA

Penggal ke - 15



DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI KETUA MENTERI

Perancangan Ekonomi, Kewangan,
Pembangunan Tanah, Agensi Berkaitan Kerajaan
(GLC) dan Hal Ehwal Agama



DATUK SERI AB RAUF YUSOH
Perindustrian, Pelaburan dan
Pembangunan Usahawan



DATUK MUHAMMAD JAILANI KHAMIS
Pelancongan, Warisan dan
Kebudayaan



DATUK RAHMAD MARIMAN
Kerja Raya, Pengangkutan,
Kemudahan Awam, Infrastruktur
dan Pengurusan Banjir



DATUK ZAIDI ATTAN
Perumahan, Kerajaan
Tempatan dan Alam Sekitar



DATUK ABDUL RAZAK ABDUL RAHMAN
Pembangunan Luar Bandar,
Pertanian, Industri Asas Tani



V P SHANMUGAM
Pembangunan Belia, Sukan
dan Badan Bukan Kerajaan
(NGO)



DATUK KALSOM NOORDIN
Hal Ehwal Wanita, Pembangunan
Keluarga dan Kebajikan



DR MUHAMAD AKMAL SALEH
Kesihatan dan Antidadah



DATUK RAIS YASIN
Pendidikan dan Teknologi



NGWE HEE SEM
Perpaduan, Hubungan Masyarakat,
Tenaga Kerja dan Hal Ehwal
Pengguna



SETINGGI-TINGGI TAHNAH

**YAB DATUK SERI UTAMA (DR.)
HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI**

SEMPENA PELANTIKAN SEBAGAI

**KETUA MENTERI MELAKA
KE-13**



SETULUS IKHLAS DARIPADA



PERTAM

TIMBALAN PENERUSI, LEMBAGA PENGARAH,
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF DAN WARGA KERJA
PERBADANAN KEMAJUAN TANAH ADAT MELAKA

SETINGGI - TINGGI TAHNIAH



YAB DATUK SERI UTAMA (DR.) HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI

DI ATAS PELANTIKAN SEBAGAI

KETUA MENTERI MELAKA KE-13

SETULUS IKHLAS DARIPADA



SHENG TAI
INTERNATIONAL
盛泰国际



AMES
HOTEL

YBhg. Dato Leong Sir Ley,
Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif
Sheng Tai International Sdn Bhd

Misi yakinkan pelabur ke Melaka

- Ab Rauf



AB Rauf mengetuai lafaz angkat sumpah Exco di hadapan Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam sambil disaksikan Sulaiman.

Liana Sahabudin

SERI NEGERI - Datuk Seri Ab Rauf Yusof memberi jaminan untuk meyakinkan pelabur untuk terus melabur sekali gus meningkatkan ekonomi Melaka.

Beliau yang dilantik menjadi Exco Perindustrian, Pelaburan dan Pembangunan Usahawan berkata, sebagaimana peranan digalas Exco terdahulu, beliau mahu meningkatkan perkhidmatan dalam memberikan keyakinan terhadap kerajaan negeri Melaka.

Katanya, beliau akan memastikan kaedah terbaik untuk menarik lebih ramai pelabur berikutan Melaka sudah berjaya membentuk kerajaan negeri yang stabil.

"Saya akan cuba yang terbaik

untuk membawa pelaburan masuk ke Negeri Melaka supaya dalam sebuah kerajaan yang stabil ini kita dapat meyakinkan para pelabur datang membuat pelaburan di negeri ini.

"Saya akan lihat bagaimana peranan yang telah dimainkan selama ini untuk saya menyumbang dan menambahkan kaedah kemasukan pelabur dan pelaburan yang terbaik di negeri ini.

"Saya akan kaji dahulu, selama ini saya tidak mencampuri urusan kerajaan jadi tak tahu bagaimana pengurusan pelaburan yang telah masuk dalam kerajaan negeri.

"Jadi sama ada kaedah terdahulu lebih baik ataupun kaedah yang akan datang itu lebih baik, saya akan melihat dan mengkaji terlebih da-

hulu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengangkat sumpah dan taat setia sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) di Dewan Seri Utama, Kompleks Seri Negeri, 26 Nov lalu.

Ab Rauf berkata, pelantikan itu menjadi amanah kepada dirinya untuk terus memberikan khidmat terbaik kepada kerajaan negeri.

"Saya pun belum lagi masuk lagi pejabat untuk melihat bagaimana pelaburan di Melaka ini. Saya akan lihat setelah saya berjumpa dengan semua pegawai-pegawai di bawah jabatan yang saya diberikan amanah.

"Selepas saya melihat dan mengkaji, saya akan cuba mencari satu nilai tambah yang terbaik untuk membantu kerajaan negeri," katanya.

Kalsom mahu wujudkan klinik wanita, kanak-kanak percuma

SERI NEGERI - Exco Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan, Datuk Kalsom Noordin memberi tumpuan untuk menubuhkan Klinik Wanita dan Kanak-Kanak dalam tempoh lima tahun.

Beliau berkata kewujudan klinik percuma itu bagi membantu golongan berpendapatan rendah (B40) yang memerlukan perkhidmatan kesihatan di negeri ini.

"Ini terkandung dalam manifesto saya sendiri, kalau boleh saya cuba nak mewujudkan satu klinik wanita dan kanak-kanak.

"Insya-Allah, kita akan wujudkan memandangkan kehidupan sekarang semuanya mahal dan kita dengar keluhan daripada B40 yang tidak mampu pergi ke hospital bayaran kerana harganya begitu tinggi.

"Saya diberi tempoh lima tahun jadi dalam tempoh ini kita cuba gerakkan sebaik mungkin," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Angkat Sumpah Pelantikan Ahli Majlis Mesyuarat Kera-



KALSOM

jaan Negeri (MMKN) di Seri Negeri, 26 Nov lalu.

Dalam pada itu, Kalsom yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Batu turut memberi jaminan akan memastikan kebajikan rakyat di negeri ini khususnya golongan wanita dan kanak-kanak diberi perhatian.

"Saya mewakili wanita Negeri Melaka. Jadi jawatan yang diberi saya akan galas sebaik mungkin demi kesejahteraan dan kestabilan negeri ini," katanya.

'Exco muda' mahu Melaka yang pertama capai fasa endemik

Faiz Hasan

SERI NEGERI - Matlamat menjadikan Melaka sebagai negeri pertama yang akan mencapai fasa endemik dalam pasca COVID-19 menjadi fokus utama Exco Kesihatan dan Antidadah, Dr Muhamad Akmal Saleh.

Beliau berkata, pelantikan itu bukannya satu tugas yang mudah baginya namun akan memikul dengan penuh bertanggungjawab dan amanah bagi mencapai sasaran berkenaan.

"Saya setuju ia adalah satu portfolio yang bagi saya bukan mudah dan amat berat sekali.

"Tetapi demi tanggungjawab kita akan memikul dan kita sasar Melaka akan menjadi antara negeri yang pertama akan beralih ke fasa endemik.

"Dan kita akan pastikan semua rakyat kita hampir keseluruhan kita nak pastikan

third dose itu akan berjalan dengan lancar.

"Yang pastinya, tentunya dalam keadaan COVID-19 ini kita nak memastikan selepas PRN (Pilihan Raya Negeri) terutamanya, kita nak memastikan kadar kes COVID-19 kita akan menjadi semakin menurun dan terkawal di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada sidang media selepas Majlis Angkat Sumpah Pelantikan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) di Seri Negeri, 26 Nov lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merlimau itu adalah Exco termuda dilantik oleh kerajaan negeri bagi mentadbir Melaka selepas memenangi dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) pada 20 Nov lalu.

Beliau yang juga Ketua Pemuda Jasim berumur 33 tahun, sebelum ini menewaskan Azrin Ab Majid (PH) dan Abd Halim Shapie dengan majoriti 3,248 undi.



MUHAMAD Akmal (tengah) mengadakan lawatan ke PKRC MITC, sejeurus selepas mengangkat sumpah sebagai Exco Kesihatan dan Antidadah. (FOTO: Akmal Saleh)



Setinggi-tinggi Tahniah

**YAB DATUK SERI UTAMA (DR.)
HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI**

SEMPENA PELANTIKAN SEBAGAI

**KETUA MENTERI
MELAKA
KE-13**

Setulus Ikhlas Daripada



EDRA POWER HOLDINGS SDN BHD 201501039563 (1164881-X)
Level 43, Menara Maxis, Kuala Lumpur City Centre, 50088 Kuala Lumpur, Malaysia
tel: +603 2302 0600 fax: +603 2381 6677
www.edra.energy

MALAYSIA • EGYPT • BANGLADESH • UAE • PAKISTAN

Pacu pelancongan Melaka ke aras tinggi

Fiqa Jamal & Faiz Hasan

AYER KEROH - Merencanakan semula sektor pelancongan pasca COVID-19 menjadi antara harapan yang diberikan kepada barisan kepimpinan kerajaan negeri yang baharu dilantik.

Ia berikutan sektor itu menjadi antara yang teruk terjejas sejak pandemik COVID-19 melanda negara dan dunia sejak Mac tahun lalu.

Bagaimanapun pelantikan semula Datuk Muhammad Jailani Khamis menggalas portfolio Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan disambut baik penggiat industri pelancongan negeri ini.

Rata-rata mereka menyifatkan Muhammad Jailani sebagai individu paling tepat untuk tugas itu memandangkan beliau lebih arif dengan selok-belok pelancongan negeri ini.

Bagi Presiden Persatuan Pelancongan Melaka (MTA) Madelina Kuah, pelantikan itu bertepatan memandangkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rembia itu sangat mudah untuk bekerjasama sepan-



MUHAMMAD Jailani mengangkat sumpah sebagai Exco Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan di hadapan Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam di Balai Istiadat Seri Negeri, 26 Nov lalu.

jang menjawat jawatan itu pada penggal terdahulu.

Justeru, katanya, pelantikan itu adalah sangat bersesuaian dalam usaha merencanakan kembali industri pelancongan negeri yang sebelum ini hampir lumpuh.

"Pertama sekali saya ucapkan tahniah kembali memegang mandat. Semoga dengan pelantikan terbaharu ini Datuk Muhammad Jailani mampu untuk memacu industri pelancongan ke peringkat lebih tinggi.

"Saya kira pelantikan beliau bertepatan kerana beliau sudah 'masuk' dengan industri pelancongan negeri ini, selain tahu selok-belok.

"Bila kita hendak minta bantuan pun, beliau mudah didekati malahan akan membantu kami pemain in-

dustri pelancongan," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini (MHI).

Pelantikan semula itu turut disambut baik Pengerusi Persatuan Hotel Bajet Malaysia (MyBHA) Melaka, Szali Sabri.

Beliau mengambil ke-

sempatan mengucapkan tahniah kepada Muhammad Jailani, di samping menyatakan harapan agar industri pelancongan Melaka akan berkembang pesat pada tahun-tahun mendatang.

Sementara itu, Muhammad Jailani yang ditemui selepas majlis angkat sumpah Exco, 26 Nov lalu menyatakan janjinya untuk merangka strategi baharu bagi memacu semula sektor pelancongan negeri bersejarah ini.

Ujarnya, pendekatan berbeza itu akan mula direncanakan dalam tempoh kurang sebulan daripada tarikh lantikannya.

"Jadi persediaan kita pada tahun 2022 ini, ada strategi baharu yang sedang kita rencanakan, insya-Allah kurang daripada sebulan.

"Strategi itu akan kita akan isytiharkan apabila kertas kerja ke arah itu akan siap dalam masa 2 minggu.

"Jadi nanti akan ada sesuatu yang berbeza untuk sektor pelancongan, satu pendekatan yang akan membangkitkan semula industri pelancongan negeri Melaka," katanya.

Rakyat mahu lihat pembaharuan di Melaka

AYER KEROH - Pembaharuan dalam pelbagai aspek terutamanya ekonomi, infrastruktur dan pendidikan menjadi antara harapan rakyat Melaka terhadap pentadbiran kerajaan negeri yang baharu dibentuk.

Bagi seorang pensyarah sebuah institut pengajian tinggi awam (IPTA), Munirah Jadi, 37, antara fokus yang boleh diberi penekanan oleh kerajaan negeri ialah membabitkan aspek prasarana dan fasiliti awam.

Jelasnya, itu merupakan antara perkara yang perlu diberi perhatian sekiranya mahu memaju serta

membangunkan negeri ini ke satu tahap yang lebih tinggi.

"Memang tinggi harapan saya untuk melihat Melaka menjadi antara negeri maju dengan mempunyai infrastruktur dan fasiliti awam yang efisien di suatu masa nanti.

"Pada masa sama, saya juga berharap kerajaan akan menjadi lebih telus dalam soal pentadbiran selain berupaya memakmurkan rakyat berbilang kaum di negeri ini," katanya.

Bagi Sanjif Raj, 28, pula, aspek pendidikan dan ekonomi perlu dititikberatkan kerajaan baharu selepas seluruh negara terkesan dengan pandemik COVID-19.

Dia yang merupakan seorang pekerja swasta mahu melihat pemulihan ekonomi menjadi agenda utama kerajaan negeri terutamanya dalam mewujudkan peluang pekerjaan baharu kepada anak muda negeri ini.

"Pada masa sama, agenda pendidikan juga tidak boleh dilupakan me-



SANJIF

mandangkan ramai anak-anak Melaka yang terkesan dalam sudut pendidikan apabila sekolah ditutup akibat pandemik.

"Diharap segala usaha positif yang akan dilaksanakan kerajaan negeri dapat memberikan limpahan kepada rakyat negeri ini di masa akan datang," katanya.

Seorang anak muda berusia 30 tahun, Muhammad Faris Abd Aziz pula mahu kerajaan negeri memberi tumpuan kepada golongan belia yang bakal menjadi pemimpin masa hadapan.

"Saya menyambut baik

usaha kerajaan negeri sekarang yang mahu memperkasakan pembangunan belia terutamanya apabila merancang untuk mewujudkan Dewan Undangan Negeri (DUN) Belia dan melantik anak muda sebagai ADUN lantikan.

"Diharap usaha itu dapat direalisasikan dengan baik, sekali gus

Dalam pada itu, Tan Gek Chu yang juga seorang penjawat awam negeri pula menzahirkan keyakinan barisan kepimpinan baharu yang dilantik ini berupaya mencetus kestabilan dan memakmurkan negeri Me-

laka.

Katanya, ia berikutan Exco-exco yang ditampilkan kali ini disifatkan serba baharu dan terdiri daripada pelbagai latar belakang dan pengalaman.

"Kerajaan baharu ini mempunyai dinamik tersendiri kerana kita dapat lihat pelbagai usia dan pengalaman bergabung demi menjayakan manifesto kerajaan.

"Saya lihat ia sebagai satu gagasan dinamik dalam menerajui pentadbiran kerajaan.

"Selaku seorang penjawat awam, saya amat positif



MUHAMMAD Faris

dengan pembaharuan yang akan dibawa oleh kerajaan baharu demi kestabilan dan kemakmuran negeri ini," katanya.



MUNIRAH

RAMALAN KAJI CUACA DI MELAKA 29 NOVEMBER - 3 DISEMBER 2021

Isnin 29/11/2021	Selasa 30/12/2021	Rabu 1/12/2021	Khamis 2/12/2021	Jumaat 3/12/2021
Pagi: Tiada hujan Petang: Tiada hujan Malam: Tiada hujan Min: 24° / Maks: 33°	Pagi: Tiada hujan Petang: Tiada hujan Malam: Tiada hujan Min: 24° / Maks: 33°	Pagi: Tiada hujan Petang: Tiada hujan Malam: Tiada hujan Min: 23° / Maks: 32°	Pagi: Tiada hujan Petang: Tiada hujan Malam: Tiada hujan Min: 23° / Maks: 32°	Pagi: Tiada hujan Petang: Ribut petir di satu dua tempat Malam: Tiada hujan Min: 23° / Maks: 32°

Setinggi-tinggi

Tahniah

**YAB DATUK SERI UTAMA (DR.)
HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI**

SEMPENA PELANTIKAN SEBAGAI
**KETUA MENTERI MELAKA
KE-13**



Setulus Ikhlas Daripada:



إِنَّا لِلّٰهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

"Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah
dan kepada Allah jualah kami kembali."



Datuk Seri Abdul Ghafaar Atan

Bekas EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar
Merangkap Bekas ADUN Asahan

1956 - 2021

Salam Takziah

Daripada

YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA

DAN

AHLI-AHLI EXCO, AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI,

&

SELURUH ANGGOTA PENTADBIRAN
NEGERI MELAKA

Setinggi-tinggi Tahniah

YAB DATUK SERI UTAMA (DR.)
HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI

SEMPENA PELANTIKAN SEBAGAI

**KETUA MENTERI MELAKA
KE-13**

Setulus Ikhlas Daripada



AHLI LEMBAGA PENGARAH,
PENGURUSAN TERTINGGI DAN
SELURUH WARGA
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



AHLI LEMBAGA PENGARAH,
PENGURUSAN DAN SELURUH KAKITANGAN
UTeM HOLDINGS SDN. BHD.
UTeM HOLDINGS PROPERTIES SDN. BHD. (SUBSIDIARI)
UTeM HOLDINGS FACILITY MANAGEMENT SDN. BHD. (SUBSIDIARI)



Sekitar Mesyuarat Majlis Raja-raja Yang Ke-257 di Istana Negara, Kuala Lumpur pada 24 & 25 Nov 2021



YANG di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah (kiri) mencemar duli hadir ke Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-257. Turut kelihatan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.



SUASANA sekitar Mesyuarat Majlis Raja-raja Yang Ke-257 di Istana Negara.



KETUA Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali mengiringi Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam menghadiri Mesyuarat Majlis Raja-raja Yang Ke-257 di Istana Negara.



DATUK Seri Utama Sulaiman Md Ali melambai ke arah kamera selepas pertama kali menghadiri Mesyuarat Majlis Raja-raja Yang Ke-257 sejeurus mengangkat sumpah Ketua Menteri ke-13, 20 Nov lalu.



HAK MILIK KEKAL

20' x 70' Untuk Bumiputera Sahaja

RUMAH TERES 2 TINGKAT

MOLEK RESIDENCE



Watch Interior **360°** view >>
<https://molekresidence.weebly.com/>

DIBUKA UNTUK PENDAFTARAN

06-337 3333

2.2282773,
102.3281568



Satu lagi projek berprestij oleh:

Pemaju:







Setinggi-tinggi


Tahniah

YAB DATUK SERI UTAMA (DR.)
HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI

SEMPENA PELANTIKAN SEBAGAI

KETUA MENTERI MELAKA
KE-13

Setulus Ikhlas Daripada



**Oriental Melaka Straits
Medical Centre**





Setinggi-Tinggi
TAHNIAH

**YAB DATUK SERI UTAMA (DR.)
HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI**

SEMPENA PELANTIKAN SEBAGAI
**KETUA MENTERI
MELAKA KE - 13**


Setulus Ikhlas Daripada

MFH

MELAKA FINANCE HOUSE

200801039220 (840568-M) BERHAD

**Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif
Serta Warga Kerja Melaka Finance House Berhad**




Setinggi-tinggi

Tahniah

YAB Datuk Seri Utama (Dr.)
Haji Sulaiman Bin Md. Ali

Di Atas Pelantikan Sebagai

**Ketua Menteri Melaka
Ke-13**



Setulus Ikhlas Daripada



Pengurus Besar, Pengurusan
& Warga Kerja Yayasan Melaka

Ekonomi Melaka perlu lonjakan baharu - Mohamad

A Jalil Hamid

AYER KEROH - Melaka memerlukan satu lonjakan baharu dalam sektor ekonomi, termasuk memberi nafas baharu kepada sektor pelancongan, kata Datuk Seri Utama Mohamad Hasan.

Mantan Menteri Besar Negeri Sembilan itu berkata, kini adalah masa untuk kerajaan Barisan Nasional (BN) Melaka, di bawah pimpinan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali, bekerja dengan lebih kuat setelah memenangi Pilihan Raya Negeri (PRN) 20 Nov lalu.

"Kemenangan yang dikecapi mesti dilunaskan segera dengan tanggungjawab memulihkan ekonomi, mencipta pekerjaan, dan memambatkan tadbir urus Kerajaan," beliau yang juga Timbalan Presiden UMNO, berkata dalam satu kenyataan.

Katanya, susulan daripada kestabilan politik, kemakmuran rakyat Melaka mesti diterjemahkan melalui kepesatan pembangunan dan kesejahteraan hidup.

Mohamad berkata, Melaka memerlukan lonjakan baharu di dalam sektor eko-



MOHAMAD Hasan

nomi.

Tambahnya, pelancongan Melaka juga perlu diberi nafas baru dengan model perniagaan yang inovatif.

"Idea untuk menjadikan Melaka sebuah kota utama untuk pekerja lepas (freelancers), digital nomad, dan pengiat industri kreatif wajar diberikan keutamaan. Melaka boleh menjadi destinasi bagi pekerja lepas (freelancers) dan industri kreatif utama Malaysia.

"Berasaskan kekuatan Melaka dalam industri pelancongan kesihatan, anjakan seterusnya ialah membangunkan Melaka sebagai wi-



SEKTOR pelancongan Melaka antara yang perlu diberi nafas baharu.

layah ekonomi berorientasi kesihatan yang utama di negara ini.

"Melalui ikhtiar sebegini, sektor seperti pembua-

tan produk berkaitan kesihatan, latihan kesihatan, serta pengembangan industri farmaseutikal boleh menjadi sektor keberhasilan

baru," katanya.

Mohamad berkata, kedudukan Melaka yang strategik di Selat Melaka juga mesti digunakan sebaik mungkin

bagi menjadikan negeri ini sebagai gerbang baru bagi kemasukan industri, pelancongan, pekerja, dan pelajar dari Sumatera.

Melaka mampu jadi kuasa besar teknologi - Prof Ahmad



MELAKA boleh menggunakan kepakaran UTeM untuk memperkasa sektor teknologi di negeri ini pada masa akan datang. (Foto kecil: Prof Datuk Dr Ahmad Ibrahim)

MELAKA - Melaka perlu mempelbagaikan sektor ekonomi di negeri itu dan tidak lagi bergantung hanya pada sektor pelancongan.

Kebergantungan negeri bersejarah itu pada sektor pelancongan nyata memberi kesan besar apabila pandemik COVID-19 melanda awal tahun lalu yang menyaksikan banyak hotel dan pusat pelancongan terpaksa ditutup.

Menurut sepucuk surat daripada Profesor di Universiti UCSI Prof Datuk Dr Ahmad Ibrahim kepada New Straits Times (NST), sudah tiba masanya Melaka mula melihat kepada sektor teknologi untuk membangunkan semula ekonomi negeri itu.

Dengan struktur muka bumi yang berhampiran laut, teknologi 'desalination' atau penyahgaraman dijangka mampu menyelamatkan ekonomi negeri ini.

"Ada cara bagaimana untuk Melaka menjadi pemain teknologi terbesar di negara ini.

"Yang pertama ialah mereka perlu mewujudkan ekosistem yang efisien bagi membangunkan teknologi maju yang berupaya menarik pelabur seluruh dunia," katanya dipetik oleh NST.

Menurutnya, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) wajar diberikan tugas dan peranan untuk mewujudkan ekosistem tersebut.

Katanya, terdapat banyak universiti teknikal di beberapa negeri telah berjaya melaksanakan peranan seperti itu, seperti contoh di Jerman.

Menurutnya lagi, terdapat banyak teknologi yang boleh dibangunkan Melaka seperti komposit gentian karbon (carbon fibre composite) selain mula melihat ke arah bidang kecerdasan buatan (AI) teknologi rawatan sisa.

"Dalam era komputer dan keselamatan siber (cybersecurity) yang sedang membangun kini, teknologi quantum juga dianggap sebagai satu cabang yang menjanjikan," katanya.

Beliau berkata, dengan menyasarkan teknologi yang mampu membawa pulangan besar, di samping menggunakan UTeM sebagai 'sauh', tiada sebab untuk negeri itu tidak berupaya mempelbagaikan ekonomi pada masa depan.

Katanya, tidak mustahil juga untuk melihat Melaka menjadi satu kuasa besar dalam dunia teknologi suatu hari nanti.



Setinggi-Tinggi

Tahniah

**YAB DATUK SERI UTAMA (DR.)
HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI**

Sempena Pelantikan Sebagai

**KETUA MENTERI MELAKA
KE-13**



Ikhlas Dari :



Edzry Zulkefli & Iruwati Ibrahim
Members of KEJ Events Group



Setinggi-Tinggi Tahniah

YAB DATUK SERI UTAMA (DR.)
HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI

SEMPENA PELANTIKAN SEBAGAI

KETUA MENTERI MELAKA
KE-13



Setulus Ikhlas Daripada





MIMBAR MAIM

“Benar-benar sangat bertung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhannya serta mengejakan sembahyang.” (Sura h Al-A’la , aya t 14-15)

“Demiseungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar.” (Sura h Al-Baqarah, aya t 155)

MAIM dan NGO saudara muslim diperkukuh

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

MELAKA TENGAH - Saudara muslim di negeri ini merupakan antara tumpuan utama Bahagian Balai Islam Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dalam memastikan akidah islam mereka terjaga dan di amal sentiasa.

Peranan bahagian berkenaan menjadi tunjang kepada pengukuhan iman saudara muslim yang masih tercari-cari rentak dalam membentuk diri mereka menjadi Islam sejati.

Kehidupan mereka yang lalu merupakan antara cabaran yang perlu dihadapi mereka dalam memupuk jiwa kerohanian mengenali Islam dengan lebih dekat serta belajar untuk memastikan aliran kehidupan seharian perlu berlandaskan syariat.

Justeru menjadi tanggungjawab dan amanah kepada Pertubuhan Islam Saudara Muslim (NGO) membantu MAIM menjadi benteng dan barisan hadapan terhadap pel-

bagai cabaran mendatang yang begitu hebat.

Kerangka peranan NGO Islam ini adalah sangat penting kepada negara dan ummah dalam memperlihatkan pengiktirafan kerajaan terhadap peranan mereka khususnya dalam pelbagai aspek termasuk memacu pembangunan ummah.

NGO saudara muslim ini juga mampu membentuk kekuatan yang jitu kepada gerakan dakwah di negara ini apatah lagi jika ia dirangka, disusun dan dilaksanakan dengan secara tersusun dan sistematik.

Bukan sahaja memastikan akidah saudara muslim ini dijaga, NGO saudara muslim ini telah memainkan peranan yang besar dalam kalangan masyarakat dengan adanya program dakwah sama ada secara terus atau maya.

Sentiasa memantau dan mendengar keluh resah mereka yang mana masih terdapat dalam kalangan saudara muslim ini mempunyai kesukaran dalam hidup lebih-lebih lagi pemantapan akidah mereka menurut pegangan ahli sun-

nah wal jamaah.

Kebajikan dan pendidikan anak-anak saudara muslim turut diberi perhatian kerana mereka merupakan amanah yang dianuge-

rah dan pastinya masa depan yang lebih baik menjadi sandaran keluarga mereka.

Sudah tentu Balai Islam MAIM merupakan agensi yang dipertang-

gungjawabkan dalam melaksanakan amanah saudara muslim yang inginkan kehidupan penuh keimanan dan menjadi muslim yang taat dengan al-Quran dan hadis.

Faedah Senaman BERJALAN

1. Mengurangkan berat badan
2. Menguatkan tulang dan otot
3. Mengurangkan risiko penyakit diabetes
4. Meningkatkan kesihatan jantung
5. Meningkatkan paras hormon endorfin

SUMBER : KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

facebook/maimmelaka | www.maim.gov.my | Majlis Agama Islam Melaka

“Kebajikan dan pendidikan anak-anak saudara muslim turut diberi perhatian kerana mereka merupakan amanah yang dianugerah dan pastinya masa depan yang lebih baik menjadisandaran keluarga mereka.”

LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809 / 06-288 1881 / 06-288 1882

Alor Gajah | 06-384 2699

Jasin | 06-529 8415 / 06-529 8417

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my | **Email** | admin@maim.gov.my

Youtube | majlis agama islam melaka | **Facebook** | facebook/maimmelaka

Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my



MUFTI Negeri, Datuk Wira Abdul Halim Tawil hadir menyampaikan sijil penghargaan kepada peserta yang hadir pada Kursus pegawai Syarak Negeri Melaka baru-baru ini. Kursus berkenaan telah diadakan di Kompleks Falak Al-Khawarizmi (KFAK) dan mematuhi segala Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan yang juga berobjektifkan pemahaman kaedah penyampaian ilmu fardu ain dan fardu kifayah dalam kalangan umat Islam di negeri ini.

SETIAUSAHA MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim menyantuni asnaf yang sedang menjalani rawatan haemodialisis di Pusat Haemodialisis Sinar baru-baru ini. Ziarah ringkas itu juga bagi melihat proses rawatan yang dilaksanakan hasil kerjasama MAIM dan pusat haemodialisis berkenaan yang turut memberi peluang kepada asnaf MAIM mendapatkan rawatan yang ditanggung sepenuhnya oleh MAIM.



SEBUAH Tabung wakaf tunai milik Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah ditempatkan di ruang masuk Masjid Al-Azim bagi memudahkan masyarakat Islam yang hadir di masjid berkenaan melunaskan wakaf tunai yang antara lain bertujuan untuk wakaf pendidikan, perubatan dan juga pembangunan masjid serta surau di sekitar negeri ini.



SEBAHAGIAN Asnaf MAIM hadir bagi mendapatkan sumbangan tablet mudah alih yang disediakan oleh Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) melalui Seksyen Pembangunan Insan kepada asnaf di negeri bagi tujuan kemudahan sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) anak-anak mereka. Penyediaan tablet ini juga disertakan bersama talian telefon yang didaftarkan secara percuma dan menjadi nilai tambah aspek penggunaan peranti dalam kalangan asnaf MAIM.



PROSES pengemaskinian dan pemilihan pakaian terpakai oleh sebahagian pegawai dan kakitangan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan sukarelawan Badan Sukarelawan Al-Taqwa (BSAT) MAIM bagi tujuan sumbangan kepada asnaf MAIM yang memerlukan. Sebuah premis telah disediakan oleh MAIM dan dijangka akan beroperasi pada awal tahun hadapan bagi memberi kemudahan tambahan golongan asnaf di negeri ini.





Setinggi-Tinggi
Tahniah

**YAB DATUK SERI UTAMA (DR.)
HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI**

SEMPENA PELANTIKAN SEBAGAI

**KETUA MENTERI MELAKA
KE - 13**



Setulus Ikhlas Daripada



Ahli Lembaga Pengarah,
Setiausaha & Seluruh Warga Kerja
Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)



Setinggi-tinggi

Tahniah

**YAB DATUK SERI UTAMA (DR.)
HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI**

SEMPENA PELANTIKAN SEBAGAI

**KETUA MENTERI MELAKA
KE-13**



Setulus Ikhlas Daripada

**AHLI LEMBAGA PENGARAH,
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
DAN SELURUH WARGA KERJA ZAKAT MELAKA**

Rafiq letak jawatan Pengerusi PN Melaka

TANGGA BATU - Datuk Wira Mohd Rafiq Naizamohideen meletak jawatan sebagai Pengerusi Perikatan Nasional (PN) Melaka dan Ketua Badan Pimpinan Bersatu Melaka serta merta, pada 26 Nov lalu.

Dalam satu kenyataan, beliau memaklumkan surat rasmi peletakan jawatan akan diserahkan kepada Presiden Bersatu yang juga

Pengerusi Perikatan Nasional, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 27 Nov.

Beliau yang juga Naib Presiden Bersatu berkata, peletakan jawatan itu untuk memberi ruang dan peluang kepada muka baharu untuk menerajui Bersatu Melaka.

"Peletakan jawatan ini bagi memberi peluang kepada kepimpinan baru untuk mengetuai Bersatu

Melaka dan PN Melaka supaya mempunyai masayang mencukupi bagi membuat segala persiapan bagi menghadapi PRU-15," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Rafiq turut memberitahu, beliau akan memberi fokus kepada PN di kawasan Parlimen Tangga Batu menuju ke Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-15 kelak.

"Hal ini (letak jawatan)

bagi membolehkan segala fokus dapat saya berikan untuk memperkukuhkan kedudukan dan sokongan rakyat terhadap Perikatan Nasional Parlimen Tangga Batu dan Bersatu Bahagian Tangga Batu serta memberi tumpuan sepenuhnya terhadap tanggungjawab saya sebagai Naib Presiden Bersatu menjelang PRU-15," katanya.

Pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka 20 Nov lalu, Mohd Rafiq yang bertanding di Dewan Undangan Negeri (DUN) Telok Mas memperoleh 3,976 undi, tewas kepada calon Barisan Nasional (BN), Datuk Abdul Razak Abdul Rahman yang mendapat 6,052 undi.

Manakala calon Pakatan Harapan (PH), Datuk



MOHD Rafiq

Asraf Mukhlis Minghat mendapat 3,891 undi sementara calon bebas Muhammad Arif Adly Mohammad memperoleh 153 undi.

DAP gagal, Kok Kiew lepas jawatan

BANDA HILIR - Datuk Tey Kok Kiew melepaskan jawatan sebagai Pengerusi DAP Melaka berkuatkuasa serta merta susulan kekalahan parti itu mengekalkan empat kerusi ditandinginya dalam Pilihan Raya Negeri (PRN).

Memetik laporan portal Malaysiakini pada 21 Nov, Kok Kiew berkata keputusan itu dibuat susulan DAP gagal mempertahankan empat daripada lapan kerusi DUN yang dimenangnya pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

Sehubungan itu, beliau memohon maaf dan bertanggungjawab atas kekalahan itu sekali gus mengakibatkan Pakatan Harapan (PH) gagal membentuk kerajaan negeri.

"Kita bukan sahaja gagal membentuk kerajaan negeri yang baru, malah lapan kerusi yang kita menangi pada pilihan raya umum 2018 telah berkurangan kepada empat.

"Ini adalah keputusan peribadi saya dan saya ingin memohon maaf kepada ahli DAP, rakan sekutu PH dan penyokong kami kerana gagal mencapai sasaran kami.

"Sebagai ketua negeri, saya mesti bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keputusan pilihan raya negeri. Saya dengan ini mengumumkan bahawa saya meletakkan jawatan sebagai ketua negeri, berkuatkuasa serta merta," katanya.

Tambahnya, meskipun meletakkan jawatan sebagai pemimpin parti negeri namun keahliannya dalam parti itu masih kekal.

Dalam PRN Melaka, DAP gagal mempertahankan kerusi Gadek, Machap Jaya, Bemban, Duyong manakala empat lagi kerusi kekal dimenangi iaitu Kota Laksamana, Kesidang, Bandar Hilir dan Ayer Keroh.



KOK Kiew (Kredit Foto: Facebook Tey Kok Kiew)



KAMARUDIN

'Saya bukan disingkirkan'

AYER KEROH - Pertukaran Pesuruhjaya Pas Negeri Melaka tiada kaitan dengan kekalahan Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka, kata Datuk Kamarudin Sidek.

Beliau berkata ia hanya proses biasa selepas individu yang memegang sesuatu jawatan itu sudah cukup tempoh berkhidmat.

Justeru, beliau menafikan dirinya disingkir-

kan dari jawatan Pesuruhjaya PAS, sebaliknya pertukaran jawatan itu yang kini disandang Ketua Dewan Ulama Pas Melaka, Zulkifli Ismail adalah perkara biasa dalam parti.

"Itu pertukaran biasa, kerana saya sudah cukup tiga penggal sejak 2015 memegang jawatan itu dan bukan disebabkan isu PRN.

"Ia (pertukaran) sepatutnya sebelum PRN tetapi

ditangguhkan sementara, bila PRN selesai pusat gantikan Pesuruhjaya baharu," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini, 23 Nov lalu.

Kamarudin yang juga calon pada PRN bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Duyong berkata, beliau boleh dilantik semula ke jawatan itu dalam tempoh satu atau dua penggal berdasarkan prestasi beliau

sebelum ini.

Mengulas lanjut beliau berkata, disebabkan sebelum ini Zulkifli tidak banyak berada di lapangan, jadi beliau perlu banyak belajar bagi memastikan PAS Melaka terus berkembang dalam menyatukan ummah.

Sebelum ini, Setiausaha Agung PAS, Datuk Seri Takiyuddin Hassan menjelaskan Kamarudin

tidak dikekalkan bagi sesi 2021-2023 manakala 13 lagi pesuruhjaya negeri masih penandang yang sama.

Takiyuddin berkata, perkara itu telah diputuskan melalui Mesyuarat Kali Kedua, Jawatankuasa Kerja Pas Pusat pada 21 November 2021 yang dipengerusikan sendiri oleh Presiden, Tan Sri Abdul Hadi Awang.



Setinggi-Tinggi

Tahniah

**YAB DATUK SERI UTAMA (DR.)
HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI**

SEMPENA PELANTIKAN SEBAGAI

**KETUA MENTERI MELAKA
KE-13**

Setulus Ikhlas Daripada



MELAKA

www.maharatamingsari.com

**AHLI LEMBAGA PENGARAH
& SELURUH WARGA KERJA MELAKA TAMING SARI BHD**





Setinggi-tinggi

Tahniah

**YAB DATUK SERI UTAMA (DR.)
HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI**

SEMPENA PELANTIKAN SEBAGAI

**KETUA MENTERI MELAKA
KE-13**

Setulus Ikhlas Daripada



Timbalan Pengerusi,
Pengurusan Tertinggi
dan Anggota SAMB





Setinggi-tinggi
Tahniah

**YAB DATUK SERI UTAMA (DR.)
HAJI SULAIMAN BIN MD ALI**

SEMPENA PELANTIKAN SEBAGAI

**KETUA MENTERI MELAKA
KE-13**

Setulus Ikhlas Daripada



**YBhg Datuk Wira Jahaya bin Mat,
Presiden Majlis Datuk-Datuk Negeri Melaka,
Ahli-Ahli Jawatankuasa Majlis Datuk-Datuk Negeri Melaka &
Ahli-Ahli Majlis Datuk-Datuk Negeri Melaka Sesi 2021-2023**



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

Writing Kedah History: A Shameful Belief Toward Thailand's Chauvinistic Nationalism

SOMETHING is gravely wrong on Pulau Pinang's argument and belief on the history of Kedah. An alternative narrative no doubt. Nobody is prohibiting the expression of alternative views and perspectives. Even in a history department, the history of a subject can/would differ from one historian to another based on one's bias. This could be determined by things like ethnicity, geography, class, national interest, etc. We call it pluralism. Tolerating different views.

Under certain circumstances, this writing and interpretation of history can be problematic. Historiography is indeed contentious. Recent views on Kedah history are just incredible. Vassal state or not, from earlier on, and through the 1700s Pulau Pinang is/was an is-

land of Kedah. Period. Pulau Pinang was/is like Pulau Langkawi - *de facto and de jure* a Kedah island, at least until 1791. Suddenly Pulau Pinang appears to produce a bunch of selective history pundits with perhaps more of a belief, that Pulau Pinang since time immemorial was never a Kedah island. This seems

“ Under certain circumstances, this writing and interpretation of history can be problematic. Historiography is indeed contentious. Recent views on Kedah history are just incredible. Vassal state or not, from earlier on, and through the 1700s Pulau Pinang is/was an island of Kedah. Period. ”

to be the early beginnings of an ideology coming from a member of the custodian of the state's history and heritage. In Siam/Thailand the likes of those views would be called seditious history.

Recently, Council Member of the Penang Heritage Trust (PHT)

Clement Liang's statements have done much harm to Kedah and the nation. An online news portal (29 October, 2021) cited him as saying that it was Siam, not Kedah, that lost Penang to the British. He subscribes to the Thai narrative and sources to justify the belief, among others, that Pulau Pinang was integral to the Kedah

Sultanate. This has ramifications on the sovereignty of Kedah. It is perplexing.

It seems that all this while, the Pulau Pinang establishment harbours a Thai/colonial-centric view of things. If Clement were a Siamese a century ago writing

Thai/Siamese history from sources not sanctioned by the Thai king and his council, he would have been punished. But this is Malaysia. No punitive action for falling on the wrong side of history, nor claiming alternative narratives. But they can go read *Seditious Histories: Contesting Thai and Southeast Asian Pasts*

by Craig J. Reynolds (2006).

The many factors in Kedah history are not as simple as it seems. These are intricate. In the process, there are also 'retrospective narratives' by scholars and historians, jurists and judges over the last 200 years on Pulau Pinang viz Kedah. Academic writings, and popular commentaries on history do display peculiar tones of representation, and varying subtexts.

Sure, we cannot avoid problems of bias. But the nation's history, and that of Kedah/Pulau Pinang must be revised. In the case of Kedah/Pulau Pinang, we would generally agree on the sovereignty of Kedah. To assert that it was Siam that lost Pulau Pinang, and not Kedah is strange. Granted that the views are representative of PHT, and that the heritage body is offering an alternative interpretation on Kedah, by itself go ahead. Nobody is prohibiting alternative histories on Kedah and Malaysia. This a free country on the writing of history. Much freer than Thailand, or Japan or China. Alternative histories are welcome.

But the attempt at rewriting the history of Kedah (and the nation) is simply out of line. It seems that the Pulau Pinang establishment is unable to grapple with the complexities of the discourse.

It is not entirely incorrect to say that Kedah was a vassal state of Siam at certain times in history. But it is not correct to imply that Kedah does not have the sovereignty to conduct contracts and external relations with other parties. And it is absurd to rationalize that Pulau Pinang was never a part of the Sultanate.

The debate on Kedah by the

PHT representative and the Pulau Pinang establishment does not hold water. Their subscribing to the Siamese narrative makes it even more untenable. The Siamese could not comprehend the European notion boundaries, territoriality, state and sovereignty. This clarification comes from a Thai historian himself. Our historians seem to be oblivious.

Thongchai Winichakul, professor of Southeast Asian History at the University of Wisconsin-Madison, United States raises the position of the Siamese on the modern view of territorial sovereignty. I am mindful that Thongchai is Thai. When Kedah failed to pay tributes as scheduled, Siamese forces mounted several invasions to pressure them to pay up. He said most of the invasions were merely a show of military force by the Siamese, without an actual battle as Kedah gave in. Siam had also expected loyalty by the sultan.

Thongchai refers to the use of maps, as for example the one displayed at the Thai National Museum in Bangkok carried by the news portal (with the photo courtesy of Clement Liang) showing the Malay peninsula. The map illustrates what Thongchai refers to by the "chauvinistic nationalism" of Thailand. The Thai attitude does not serve for a better understanding of history, from both sides of the ASEAN member states.

This shows the Thai attitude as anachronistic, generated by a bogus interpretation of history. According to Thongchai, Thailand has been using them as propaganda for decades. And a party of the Malaysian citizenry succumbed to that propaganda led by a belief which is by itself prejudiced and chauvinistic toward Kedah and national history.

NEXT WEEK: Tunku's Musings

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.

Siam, not Kedah, lost Penang to the British, says expert

October 29, 2021 11:51 AM

5k Shares f 4.1k t 467 wa 368 e 51



A display at the National Museum in Bangkok recognising Koh Mak, or Penang Island, as the first Siamese territory lost to foreign powers, marked with the symbol '1'. (Clement Liang pic)

COUNCIL Member of the Penang Heritage Trust (PHT) Clement Liang's statements in online news portal (29 October, 2021) cited him as saying that it was Siam, not Kedah, that lost Penang to the British.



Setinggi-tinggi

Tahniah

**YAB DATUK SERI UTAMA (DR.)
HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI**

SEMPENA PELANTIKAN SEBAGAI

**KETUA MENTERI
MELAKA KE - 13**

Setulus Ikhlas Daripada

MICTH
MELAKA ICT HOLDINGS SDN BHD



Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif
dan Seluruh Warga Kerja Melaka ICT Holdings Sdn Bhd



Tahniah

Kepada

YAB Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Bin Md. Ali

Di Atas Perlantikan Sebagai:

Ketua Menteri Melaka Ke-13

IKHLAS DARIPADA:

Ahli Lembaga Pengarah,
Ketua Pegawai Eksekutif &
Seluruh Warga Kerja Perbadanan
Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka



PPSPM

فريدانن قمبراؤونن سوڤائي دان قنتاي مالک
Perbadanan Pembangunan
Sungai dan Pantai Melaka

Melaka River and Coastal Development Corporation



Setinggi-tinggi

Tahmiah

YAB DATUK SERI UTAMA (DR.)
HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI

SEMPENA PELANTIKAN SEBAGAI

KETUA MENTERI MELAKA
KE-13

Setulus Ikhlas Daripada



LEMBAGA PERUMAHAN MELAKA

Ahli Lembaga Pengarah,
Pengarah Eksekutif dan Seluruh Warga Kerja
Lembaga Perumahan Melaka



Anak jati Pernu dilantik Rektor UiTM Melaka ke-11

Faiz Hasan

BANDARAYA MELAKA - Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka mengumumkan pelantikan Profesor Madya Ts Dr Mohd Rasdi Zaini sebagai Rektor UiTM Melaka ke-11 berkuatkuasa pada 22 Nov lalu.

UiTM Melaka dalam satu kenyataan memaklumkan, lantikan itu bagi menggantikan Profesor Dr Abd Halim Mohd Noor yang telah tamat tempoh lantikan sebagai Rektor UiTM Melaka ke-10.

Rasdi, 47, merupakan anak jati Pernu, Melaka Tengah dan berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari Universiti Sains Malaysia (USM) dalam bidang Entomologi Pertanian pada 2013 serta Ijazah Sarjana dalam bidang Perlindungan Tanaman dari UiTM pada

tahun 2005.

Sebelum ini beliau pernah menja-wat jawatan sebagai Dekan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, Penolong Rektor UiTM Kampus Jasin, dan Fellow Institut Antarabangsa Pengurusan Perladangan.

Beliau yang aktif dalam penyelidikan dan inovasi di peringkat nasional mahupun antarabangsa pernah menyandang beberapa jawatan penting yang lain antaranya termasuk menganggotai 'Malaysia Board of Technologist' (MBOT) dan Incorporated Society of Planters (IIPM) dan The Entomological Society of Malaysia (ENTOMA).

Beliau berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari Universiti Sains Malaysia (USM) dalam bidang Entomologi Pertanian pada 2013 dan Ijazah Sarjana

dalam bidang Perlindungan Tanaman dari UiTM pada tahun 2005.

Selain itu, pelbagai pencapaian dan beberapa anugerah telah dirangkunya seperti Anugerah Usahawan Tani Tahun 2020 dari Kerajaan Negeri Melaka melalui Exco Pertanian dan Pembangunan Usahawan Negeri Melaka.

Malah, beliau turut dianugerahkan 'Academic Excellence Service Award', Anugerah Penyelidik Harapan dalam bidang Sains dan Teknologi, UiTM Pahang 2009, dan Anugerah Sri Gading sebagai penulis paling aktif dalam penerbitan junal antarabangsa UiTM Pahang 2009.

"Pelantikan Rasdi sebagai Rektor UiTM Melaka diharap dapat meneruskan kesinambungan kepimpinan dan kecemerlangan graduan UiTM khususnya UiTM Melaka," kata kenyataan yang dikeluarkan pada 25 Nov.



RASDI

Mahasiswa UTeM bergelar Leftenan Muda

Liana Sahabudin

DURIAN TUNGGAL - Seramai 24 mahasiswa Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menerima pentauliahian Leftenan Muda (PA) di Majlis Pentauliahian Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (Kor SISPA) Peringkat Kebangsaan Kali ke-12 tahun 2021, baru-baru ini.

Pada majlis itu, Muhammad Hakimi Mohamad Zafridin, 25, graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan dengan Kepujian dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dianugerahkan Pegawai Kadet Kor SISPA Terbaik UTeM 2021.

Muhammad Hakimi merupa-

kan Presiden Kor SISPA UTeM bagi sesi 2018/2019 banyak melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti anjuran Angkatan Pertahanan Awam Malaysia di peringkat universiti dan negeri Melaka.

Beliau pernah menyertai anggota sukarelawan Pertahanan Awam di Pusat Kawalan Operasi Daerah Melaka Tengah dan pernah bertugas di Pusat Pemindahan Sementara banjir di Melaka, baru-baru ini.



MUHAMMAD Hakimi menerima anugerah Pegawai Kadet Kor SISPA Terbaik UTeM 2021, baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) merangkap Komandan Kor SISPA UTeM, Penolong Persuruhjaya Kehormat Pertahanan Awam, Prof Dr Zulkifilie Ibrahim berkata, keterlibatan diri dalam KOR SISPA salah satu platform tepat dan membuahkan hasil yang cukup membanggakan.

"Melalui platform ini kita berjaya melahirkan modal insan yang terlatih dan ber-

disiplin. Mahasiswa UTeM digalakkan terlibat dalam aktiviti kesukarelawan.

"Ini termasuklah melalui sokongan pelbagai pihak menerusi program berbentuk khidmat komuniti, kemasyarakatan, badan beruniform dan sebagainya," katanya pada majlis tersebut yang diadakan secara dalam talian baru-baru ini.

Majlis itu dirasmikan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas), Datuk Mastura Tan Sri Mohd Yazid mewakili Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) Datuk Dr Abd Latiff Ahmad.

Pada masa sama Zulkifilie turut mengucapkan tahniah buat 23 lagi mahasiswa UTeM yang ber-

jaya menamatkan dan ditauliahkan sebagai Leftenan Muda Pertahanan Awam.

Majlis tersebut diadakan secara dalam talian di institut pengajian tinggi (IPT) masing-masing atau gabungan antara IPT dengan kapasiti minimum mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Majlis anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) ini mendapat kerjasama Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sekali gus menganugerahkan 870 Pegawai Kadet KOR SISPA daripada 24 IPT dan satu Institusi Pendidikan Guru (IPG).

Terapi kayuhan basikal waktu malam

AYER KEROH - Seramai 26 pelajar Diploma Seni Bina Politeknik Merlimau Melaka (PMM) menyertai kembara basikal sejauh 10 kilometer di sekitar Bandaraya Melaka bersejarah, baru-baru ini.

Pensyarah Kejuruteraan Awam PMM, Mohd Shafrizal Md Hassan berkata kayuhan diadakan pada jam 8.30 malam itu bagi merasai keindahan bandaraya warisan dunia selain memberi kelainan terhadap silibus sukan PMM.

"Kami memulakan kayuhan sekitar jam 8.30 malam bermula di bangunan Pastel dengan menggunakan laluan utama jalan raya menuju ke Dataran Pahlawan.

"Kemudian setelah selesai tiga kilometer kayuhan, kumpulan berbasikal ini melalui pula jalan dalam bagi memberi sedikit cabaran menuju ke Bangunan Stadthuys dan A'Famosa," katanya kepada MHI.

Katanya program tersebut turut disertai tiga kakitangan PMM yang bersama-sama ingin merasai keindahan berbasikal pada waktu malam.

"Alhamdulillah, kesemua 26 peserta yang mengikuti cabaran berbasikal ini telah menamatkan kayuhan dengan jayanya sejauh 10 kilometer sekitar bandaraya Melaka yang berakhir di Mahkota Hotel," katanya.

Sementara itu, Ketua Unit Sukan, Kurikulum & Kebudayaan (USKK) PMM Amir Awang Muda berkata kayuhan itu antara aktiviti sukan dibawah kursus kurikulum yang menjadi keperluan kepada pelajar untuk mereka yang memilih sukan tersebut.

"Saya harap ini 'kickstart' bagi program-program sukan di luar untuk dianjurkan kerana selama ini kita melakukan sukan secara 'indoor' sahaja," katanya.



SEBAHAGIAN peserta kembara basikal bergambar di hadapan Kota A'Famosa.



Setinggi-tinggi

Tahniah

**YAB DATUK SERI UTAMA (DR.)
HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI**

SEMPENA PELANTIKAN SEBAGAI

**KETUA MENTERI MELAKA
KE-13**

Setulus Ikhlas Daripada



*Timbalan Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah
Anak-Anak Syarikat dan Seluruh Warga Kerja
Kumpulan Melaka Berhad*





DR. Shankar Gunarasa



PUNDI hempedu adalah organ yang terletak di hati. Ia berfungsi sebagai “kilang” penyimpan hempedu (bile) yang di hasilkan di hati. Hempedu penting untuk penyerapan dan pencernaan lemak. Apabila makanan yang sedang dicerna melalui bahagian usus kecil (duodenum), hormon yang dipanggil Cholecystokinin dilepaskan bagi merangsang pembebasan hempedu. Kandungan hempedu ini terdiri daripada air, lemak, kolesterol, protein dan bilirubin.


Batu pundi hempedu yang terjadi terdiri dari dua jenis iaitu batu kolesterol dan batu hempedu pigmen. Batu hempedu ini juga di kenali dalam istilah perubatan sebagai Cholelithiasis. Batu kolesterol ini terjadi kepada individu yang berobesiti, perempuan yang hamil dan juga ubatan yang mengandungi estrogen yang tinggi. Manakala untuk batu hempedu berpigmen, ia terjadi disebabkan oleh kematian sel darah yang banyak seperti pesakit yang mengalami sickle cell anaemia (anaemia sel sabit), thalassaemia atau hati bercirrhosis.

Pembesaran pundi hempedu disebabkan saiz batu yang semakin bertambah akan menyebabkan rasa tidak keselesaan di bahagian abdomen. Batu hempedu boleh menyebabkan jangkitan dan menyebabkan keradangan di pundi hempedu, yang di namakan Acute Cholecystitis. Sekiranya ini berlaku, pesakit terpaksa mendapat rawatan antibiotik untuk mengurangkan keradangan di pundi hempedu dan di pantau selama 48-72 jam. Sekiranya gagal, pembedahan cholecystectomy terpaksa di lakukan untuk membuang pundi hempedu yang telah di jangkiti.

Ramai juga pesakit saya tertanya-tanya jika pundi hempedu di keluarkan, apakah komplikasi di badan kita? Seperti yang telah saya huraikan tadi, pundi hempedu bersifat sebagai “kilang” untuk menyimpan cecair hempedu. Apabila “kilang” tersebut di keluarkan, cecair hempedu akan terus mengalir ke usus kecil kita dan menyebabkan kesan sampingan sementara seperti cirit birit, pembuangan gas berlebihan, makanan lemak yang susah di hadamkan, loya, muntah dan ada segelintir pesakit akan menghadapi sakit abdomen.



Masalah jangkitan pundi hempedu dan batu hempedu : Apakah anda perlu tahu?



Fenomena ini di namakan “*post cholecystectomy syndrome*” di mana simptom simptom ini akan reda selepas beberapa minggu. Namun sindrom ini terpaksa di pantau selepas pembedahan. Sekiranya masalah ini berlarutan lebih lama, anda perlu berjumpa dengan pakar bedah yang telah membedah anda.

Batu di pundi hempedu boleh juga tersekat di saluran hempedu menuju ke bahagian usus, menyebabkan cecair hempedu tidak boleh dikeluarkan ke dalam usus. Ini menyebabkan proses penyingkiran bilirubin dari hati terganggu. Perkara inilah yang akan menyebabkan mata seseorang pesakit itu kelihatan kuning yang disebabkan kandungan bacaan bilirubin yang tinggi. Jika ini berlaku procedure ERCP atau endoscopic retrograde pancreatography terpaksa di lakukan untuk mengeluarkan batu yang tersekat di saluran hempedu.

Apakah faktor yang boleh menyumbang kepada pembentukan batu pundi hempedu? Antaranya ialah :

1. JANTINA

Golongan wanita hampir dua kali ganda lebih cenderung untuk mendapat masalah batu pundi hempedu. Hormon estrogen ini menyebabkan penghasilan kolesterol yang tinggi yang akan mengganggu keseimbangan cecair hempedu dan menghasilkan pigmen batu kolesterol di pundi hempedu. Estrogen juga akan mengurangkan daya kecutan pundi hempedu yang sekaligus akan menyebabkan “*stasis*” cecair hempedu di pundi hempedu.

2. BERAT BADAN

Obesiti salah satu factor di mana adanya kandungan kolesterol yang tinggi.

3. DIET MAKANAN

Pemakanan makanan berlemak dan kolesterol yang tinggi adalah salah satu penyumbang kepada pembentukan batu kolesterol hempedu.

4. KENCING MANIS

Boleh menyebabkan kandungan acid lemak yang tinggi yang boleh menyebabkan kandungan triglyceride dan kolesterol yang tinggi

5. UMUR

Statistik menunjukkan usia lebih 60 tahun cenderung untuk menghidapi masalah ini. Tetapi kebelakangan ini, golongan muda lebih kerap menghidapi masalah ini kerana cara pemakanan dan gaya hidup yang tidak sihat.

Apakah simptom simptom yang perlu di beri perhatian? Kebanyakan simptom simptom masalah pundi hempedu ini akan mirip simptom gastritis. Oleh itu memang sukar untuk mengenalpasti masalah ini melainkan dengan pemeriksaan fizikal oleh pakar bedah. Simptom yang lazim di paparkan oleh pesakit ialah

- **Sakit di tepi ulu hati, lebih ketara selepas memakan makanan yang berlemak.**
- **Demam.**
- **Loya dan muntah.**
- **Kuning mata, sekiranya batu hempedu tersekat di saluran hempedu.**

- **Demam yang tinggi.**

Terdapat beberapa diagnosis lain yang boleh mempunyai simptom yang sama seperti:

- **Keradangan pancreas.**
- **Kanser pancreas.**
- **Cholangiocarcinoma atau kanser di saluran hempedu.**
- **Kanser pundi hempedu.**

Bagaimanakah doktor dapat mengenalpasti masalah keradangan pundi hempedu daripada masalah masalah yang lain? Biasanya doktor akan memeriksa secara fizikal abdomen pesakit dan selepas itu akan menjalankan beberapa ujian antaranya


- **Ujian darah untuk mengenalpasti jangkitan kuman.**
- **Ujian radiologi seperti ultrasound abdomen atau CT scan abdomen untuk melihat tahap keradangan pundi hempedu, mengenalpasti jika ada nanah di pundi hempedu atau juga melihat batu hempedu di saluran hempedu.**
- **ERCP.**

Procedure ini di lakukan sekiranya pesakit mempunyai batu hempedu tersekat di saluran hempedu.

RAWATAN

Kebanyakan batu pundi hempedu adalah tidak simptomatik atau tidak memberi sebarang masalah. Pesakit yang simptomatik, perlu di wadkan, di beri ubat tahan sakit dan juga antibiotic. Sekiranya sakit ini tidak di kawal, pembedahan cholecystectomy akan di lakukan dan dilakukan secara laparoskopi. Sekiranya pesakit itu “*jaundice*”, ERCP akan dilakukan terlebih dahulu sebelum pembedahan cholecystectomy.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan masalah pundi hempedu, anda boleh berhubung dengan **Dr Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131 atau no.whatsapp Klinik Dr Shankar Gunarasa +6014 363 9705.**





Setinggi-tinggi

Tahniah

YAB DATUK SERI UTAMA (DR.)
HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI

SEMPENA PELANTIKAN SEBAGAI

KETUA MENTERI MELAKA
KE-13

Setulus Ikhlas Daripada



PANORAMA
Melaka



Ahli Lembaga Pengarah
dan Seluruh Warga Kerja Panorama Melaka Sdn. Bhd.



Rampasan dadah di Melaka meningkat

AYER KEROH - Polis Melaka berjaya merampas pelbagai jenis dadah bernilai RM13.16 juta dalam tempoh awal tahun ini hingga 20 Nov.

Ketua Polis Melaka Datuk Wira Abdul Majid Mohd Ali berkata, rampasan itu meningkat 27 peratus berbanding RM487,283.35 nilai dadah yang dirampas sepanjang tahun lepas.

Katanya, dalam tempoh bermula Jan hingga 22 Nov lalu, seramai 1,794 orang penagih dadah ditahan berbanding 1,426 orang pada tahun lalu sekaligus menyaksikan peningkatan 26 peratus.

"Pihak polis telah ubah cara pendekatan untuk menangani dadah di Melaka dengan kita oergi sehingga ke peringkat akat umbi untuk



ABDUL Majid menunjukkan rampasan 40kg dadah jenis syabu dalam satu serbuan di sebuah inap desa di Jalan Pantai Puteri, 15 Nov lalu. Foto: Mr. Azli

meningkatkan risikan," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Melaka, di sini, 22 Nov lalu. Beliau berkata, pening-

katan rampasan dadah di Melaka bukan bermaksud aktiviti penyalahgunaan atau pengedaran dadah tidak dapat dikawal.

Sebaliknya, ia menunjukkan keberkesanan aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan dalam usaha membanteras aktiviti tersebut.

"Ini merupakan kejayaan yang amat cemerlang bagi kita untuk menangani dadah dengan strategi yang digunakan Jabatan Siasa-

tan Jenayah Narkotik (JSJN)," katanya.

Dalam pada itu, Abdul Majid turut memaklumkan kejayaan terbaharu polis Melaka menumpaskan sindiket pengedaran dadah antarabangsa yang dikenali sebagai sindiket 'Abang 888', 15 Nov lalu.

Katanya, sindiket yang menjadikan sebuah inap desa di Jalan Pantai Puteri sebagai sebagai pusat transit pengedaran dadah terbongkar apabila JSJN berjaya merampas 40 kilogram syabu bernilai RM1.44 juta.

Katanya, dadah yang dibungkus dalam plastik bungkusan teh herba itu dipercayai dari sindiket sama sebelum ini yang menjadikan Melaka sebagai lokasi transit sebelum diedarkan ke negara jiran.

Ajal langgar lembu atas jalan

RIM - Seorang lelaki maut selepas motosikal yang ditunggangi gagal mengelak lalu melanggar seekor lembu yang dipercayai berada di atas jalan.

Dalam kejadian kira-kira jam 5.25 pagi, 24 Nov lalu di Jalan Simpang Bekoh-Rim itu, mangsa, Aizal Abdullah, 47 yang juga pekerja sebuah pusat pelancongan maut di tempat kejadian selepas mengalami kecederaan parah di kepala.

Ketua Polis Daerah Jasin, Deputy Superintenden Mispani Hamdan berkata, hasil siasatan mendapati mangsa yang menunggang motosikal jenis Honda Dash sedang dalam perjalanan dari arah Simpang

Bekoh menghala ke arah Rim.

"Dalam perjalanan itu mangsa dipercayai gagal mengelak lalu melanggar seekor lembu yang turut ditemui terbaring di tengah jalan oleh pegawai penyiasat.

"Dalam kemalangan itu, mangsa mengalami kecederaan parah di bahagian kepala dan badan dan meninggal dunia di lokasi kemalangan.

"Mayat dihantar ke Unit Forensik Hospital Jasin untuk bedah siasat," katanya.

Mispani berkata kes disiasat di bawah Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Dalam pada itu, beliau turut mengingatkan pemilik

dan penternak lembu agar tidak membiarkan haiwan ternakan itu bebas tanpa perhatian.

Katanya, tindakan tegas akan diambil pihak polis bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) sekiranya terdapat haiwan ternakan mengganggu penggunaan jalan raya atau merosakkan tanaman penduduk.

"Polis akan mengambil tindakan bersepadu bersama PBT untuk tindakan menangkap atau merampas lembu terbabit.

"Kompaun akan dikeluarkan kepada pemilik dan jika lembu itu tidak dituntut, ia akan dirampas dan dilelong," katanya.



MANGSA maut di tempat kejadian selepas mengalami kecederaan parah di kepala.



“Rakannya yang kebetulan berada berdekatan kemudia n bertindak menutup suis mesin pengisar dan meminta bantuan.”

LELAKI warga Indonesia berdepan detik cemas selepas pergelangan kaki kanannya tersepit dalam mesin pengisar di Kampung Kemenggang.

Kaki tergelincir masuk mesin pengisar

Siti Salehah

JASIN - Lelaki warga Indonesia berdepan detik cemas selepas pergelangan kaki kanannya tersepit dalam mesin pengisar, di Kampung Kemenggang, di sini, 25 Nov lalu.

Kejadian dikatakan berlaku kira-kira jam 3.30 petang, sebelum disedari rakannya yang kebetulan berada berdekatan.

Komander Operasi dari Balai Bomba Penyelamat (BBP) Jasin Bistari PBK II Bukari Rejab berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 3.57 petang sebelum lapan anggota bersama pegawai dikejarkan ke lokasi kejadian.

Beliau berkata, panggilan itu dibuat oleh penyelia mangsa dan dia dipercayai tergelincir ketika melakukan kerja memproses makanan ikan.

"Rakannya yang kebetulan berada berdekatan kemudia n bertindak menutup suis mesin pengisar dan meminta bantuan," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata, pasukan bomba mengambil masa kira-kira 45 minit sebelum berjaya mengeluarkan kaki mangsa.

"Mangsa kemudia n diserahkan kepada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan dibawa ke Hospital Jasin bagi rawatan lanjut," katanya.



SETINGGI-TINGGI TAHNIAH

**YAB DATUK SERI UTAMA (DR.)
HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI**

DI ATAS PELANTIKAN SEBAGAI

KETUA MENTERI MELAKA KE-13

Setulus Ikhlas Daripada



Mamee-Double Decker (M) Berhad

Lot 1, Ayer Keroh Industrial Estate, 75450 Melaka, Malaysia. Tel: +606-232 4466/232 4469 Fax: +606-232 9636

www.mamee.com



Setinggi-tinggi

Tahniah

**YAB DATUK SERI UTAMA (DR.)
HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI**

SEMPENA PELANTIKAN SEBAGAI

**KETUA MENTERI MELAKA
KE-13**

Setulus Ikhlas Daripada



Yang Dipertua, Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan dan
Seluruh Warga Kerja Majlis Perbandaran Alor Gajah



Sekalung Tahniah

**YAB DATUK SERI UTAMA (DR.)
HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI**

Atas pelantikan sebagai

KETUA MENTERI MELAKA

Ke-13

Pada

21 NOV 2021

Ikhlas daripada

HATTEN 惠胜



Sukan

MELAKA HARI INI



KETUA Menteri hadir memberikan sokongan kepada Melaka United di Stadium Hang Jebat.

AKSI Gomez (kanan) cuba dicabar pemain KL City FC Muhammad Akram Mahinin pada aksi separuh akhir kedua Piala Malaysia.

Belum rezeki Melaka United...

Hamza Fansuri & Fiqa Jamal

HASRAT Melaka United FC mahu melakar sejarah layak ke final Piala Malaysia, tidak kesampaian selepas dikecewakan Kuala Lumpur City FC (KL City FC) di Stadium Hang Jebat, 26 Nov lalu.

Beraksi di laman sendiri, Melaka United bagaimanapun tewas bermaruh kerana berjaya mengheret perlawanan ke masa tambahan selepas terikat dengan agregat 2-2, sebelum tewas 3-5 pada penentuan sepakan penalti.

Aksi yang tertangguh lebih sejam akibat masalah bekalan elektrik itu menyaksikan tuan rumah ketinggalan seawal minit ke-9 selepas J Partiban membuka tirai jaringan buat KL City.

Walaupun cuba melakukan asakan, namun beberapa percubaan terbaik skuad Hang Tuah berjaya diselamatkan penjaga gol KL City FC.

Percubaan demi percubaan akhirnya membuahkan hasil apabila pemain tengah Ahmad Syamim Yahya berjaya mengikat kedudukan pada minit ke-65.

Gol itu terhasil berpunca daripada sepakan sudut diambil Sony Norde, yang kemudian disudahkan Syamim untuk melegakan kira-kira 18,000 penyokong Melaka United.

Selepas itu, anak buah Zainal Abidin Hassan bagaikan terus 'dirasuk' dalam memburu gol kemenangan buat pasukan.

Namun, tiada lagi gol terhasil selepas tamat 90 minit permainan dan memaksa perlawanan diheret ke masa tambahan dan sekali lagi tiada gol terhasil membawa ke-

pada penentuan sepakan penalti.

Kegagalan Giovane Gomez menyempurnakan sepakan penalti ketiga, selain kecemerlangan KL City FC menyempurnakan semua penalti akhirnya membuatkan Melaka United berputih mata apabila terpaksa akur gagal ke pentas akhir.

Sementara itu, Zainal Abidin yang ditemui pada sidang media selepas perlawanan mengakui tetap berbangga dengan semangat juang anak buahnya meskipun gagal mencipta sejarah ke final.

"Pujian perlu diberi kepada pemain kerana mereka menunjukkan semangat juang tinggi dan tidak berputus asa untuk mengheret saingan ke masa tambahan.

"Di masa tambahan juga mereka masih mengasak dan mencipta beberapa peluang di kawasan lawan namun malam ini bukanlah malam kami untuk cipta kemenangan.

"Rezeki tidak menyebelahi Melaka, pasukan ini masih tidak tewas cuma kita tidak berjaya sempurnakan penalti untuk pergi ke perlawanan akhir, walaupun kecewa tetapi pemain telah berikan yang terbaik dan perlu meneruskan perjuangan," katanya.

Pujian juga diberikan oleh Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali yang hadir menyaksikan perlawanan di stadium bersama Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam.

"Walaupun tewas menerusi penentuan sepakan penalti, pujian harus diberikan kepada semua pemain kita yang mempamerkan semangat juang tinggi.

"Tahniah juga diucapkan kepada barisan kejurulatihan Melaka United," katanya.

